IFEST 1.0 SEIMBANGKAN MAHASISWA DENGAN DUNIA DAN AKHIRAT

Oleh : Mohd Basri Basir

ARAU – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sentiasa memberikan perhatian dalam usaha melahirkan mahasiswa yang bersifat holistik tidak hanya mengejar kejayaan dunia malah menumpukan kepada keperluan akhirat. Menyedari tanggungjawab mendidik mahasiswa tentang nilai-nilai Islam tersebut, Pusat Islam UniMAP dengan kerjasama Jawatankuasa Surau Pauh Putra menganjurkan Islamic Festival 2018 (iFEST 1.0)

Pengarah Pusat Islam UniMAP, Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah berkata, penganjuran iFEST 1.0 turut memberi peluang kepada Sahabat Pusat Islam dan MPKK TAR membantu menyemarakkan budaya intelegensia dalam kalangan warga kampus di UniMAP.

iFEST 1.0 merupakan karnival selama sehari semalam anjuran Pusat Islam UniMAP bertempat di Surau UniMAP, Kampus Pauh, Putra. Antara pengisian Qiyamullail Perdana, Kuliah Dhuha Perdana yang disampaikan Mufti Perlis,

Prof. Madya Datuk Dr. Mohd Asri Zainal Abidin, Forum Perdana dan Kuliah Maghrib Perdana bertajuk 'End of The World True or Not' oleh Dr. Danial Zainal Abidin.